

KRITERIA PEMILIHAN CALON PENERIMA BIASISWA YAYASAN DIRAJA SULTAN MIZAN (YDSM)

Perkara: Kriteria Pemilihan bagi Program Pascasiswazah - Doktor Falsafah (PhD)

Yayasan DiRaja Sultan Mizan (YDSM) menaja biasiswa pascasiswazah (PhD) dengan mengutamakan calon dari negeri Terengganu, terutamanya mereka yang berasal dari kumpulan B40 (berpendapatan rendah) yang memiliki keputusan akademik yang baik, memiliki kualiti kepimpinan, serta komitmen untuk menyumbang semula kepada masyarakat. Program ini adalah bertujuan untuk meningkatkan status sosioekonomi dan akses pendidikan kepada rakyat Terengganu khususnya dan Malaysia amnya kepada yang berkecukupan.

Berikut adalah terma rujukan kepada pemohon;

1. Permohonan

- i. Melengkapkan borang permohonan (boleh didapati di portal/website YDSM www.ydsm.com.my atau boleh diambil di pejabat YDSM).
- ii. Melampirkan resume terperinci yang lengkap dengan gambar bersaiz pasport terkini, maklumat perhubungan, tahap pendidikan dan pencapaian akademik, bukti kepimpinan dan aktiviti kokurikulum, pengalaman kerja (jika berkenaan) dan bukti kemahiran yang dimiliki.
- iii. Menyertakan transkrip akademik yang disahkan oleh Pesuruhjaya Sumpah atau setaraf denganya.
- iv. Menyertakan bukti pendapatan isi rumah bagi pengesahan pendapatan terendah (B40) mengikut takrif Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).
- v. Menyertakan surat sokongan daripada institusi akademik atau profesional.
- vi. Menyertakan pengakuan peribadi tentang matlamat kerjaya dan perancangan bagi sumbangan semula kepada masyarakat.

2. Bidang Pengajian

Bidang pengajian bagi biasiswa dan pengajian yang diselaraskan adalah tertakluk kepada keputusan YDSM. Bidang strategik semasa adalah **kemampanan, pembangunan sosioekonomi, pendidikan dan teknologi AI**. Program yang dipohon mesti diiktiraf oleh *Malaysian Qualifications Agency* (MQA) atau yang setaraf dengannya.

3. Kelayakan Akademik

Kelayakan akademik bagi program pascasiswazah (PhD) adalah tertakluk kepada kriteria yang ditetapkan oleh universiti yang dipohon. Pemohon perlulah melakukan penilaian sendiri sebelum memohon kepada YDSM. Berikut adalah contoh kriteria kelayakan akademik bagi program pascasiswazah (PhD) bidang kemampanan (sustainability) bagi universiti luar negara;

- i. Ijazah Sarjana Muda dalam bidang berkaitan (sains alam sekitar, kejuruteraan, ekonomi, sains sosial atau dasar).
- ii. Pencapaian minima GPA yang setaraf dengan kepujian kelas kedua atas (2:1) atau 3.0 / 4.0 dari universiti yang diiktiraf.
- iii. Program terpilih (contohnya; Pengajian Lanjutan Harvard) membenarkan pemohon daripada pelbagai latar belakang akademik tetapi perlu membuktikan kemahiran kuantitatif atau analitikal.
- iv. Pemohon daripada bidang bukan alam sekitar mesti menunjukkan kemahiran yang berkaitan (contoh dalam dasar, ekonomi atau kejuruteraan).

4. Kemahiran Bahasa

Kriteria kemahiran bahasa juga bergantung kepada universiti terlibat. Contoh kemahiran bahasa minimum untuk pengajian pascasiswazah luar negara ialah;

- i. TOEFL iBT: minimum 90 - 100.
- ii. IELTS: 6.5 - 7.0 keseluruhan, tanpa band lebih rendah daripada 6.0.
- iii. Atau, setaraf dengan yang di atas mengikut jadual berikut;

MUET	IELTS	TOEFL IBT	TOEFL PBT	CEFR
6	9.0	118-120	645-677	C2
6	8.5	115-117	626-644	C2
	8.0*	110-114	610-625	C2/C1
5	7.5	102-109	581-609	C1
5	7.0	94-101	560-580	C1
	6.5*	79-93	546-559	C1/B2
4	6.0	60-78	530-545	B2
4	5.5	42-59	516-529	B2
	5.0*	35-41	490-515	B2/B1
3	4.5	32-34	450-489	B1
3	4.0	31	400-449	B1
				B1/A2
2				A2
2				A2
				A2/A1
1				A1
1				A1
		0		A0

5. Pengalaman Profesional dan Penyelidikan

Pengalaman profesional dan penyelidikan juga adalah termaktub kepada keperluan universiti yang dipohon. Sebagai contoh bagi program pascasiswazah universiti luar negara keperluan pengalaman profesional dan penyelidikan bagi bidang pengajian kemampanan adalah seperti berikut;

- i. Pengalaman kerja dalam bidang kemampanan, dasar perubahan iklim atau penglibatan didalam ESG syarikat sangat diutamakan.
- ii. Latar belakang penyelidikan dalam bidang berkaitan seperti perubahan iklim, tenaga boleh baharu, biodiversiti, pengurusan karbon, bangunan dan bandar hijau, pembiayaan iklim atau matlamat pembangunan mampan (SDG) dan ESG akan membantu permohonan.

6. Peraturan Akaun Media Sosial

Semua pemohon mesti mematuhi undang-undang komunikasi dan multimedia Malaysia dan negara pengajian pascasiswazah. Secara umumnya semua pemegang biasiswa dan program yang diselaraskan oleh YDSM mesti mematuhi peraturan berikut;

- i. Pemohon mesti mengistihar akses kepada akaun media sosial mereka.
- ii. Pemohon mesti mendedahkan akaun media sosial kepada umum semasa proses temuduga.
- iii. Keengganan untuk mendedahkan akaun media sosial boleh mengakibatkan kelewatan visa atau penolakan oleh negara yang berkaitan.
- iv. Pegawai konsulat kerajaan negara berkaitan akan memeriksa aktiviti dalam talian pemohon mengenai perkara berikut;
 - Sentimen anti-kerajaan, atau
 - Sokongan untuk keganasan, atau
 - Kandungan *antisemitic* atau ekstremis
- v. Pemohon mesti memastikan profil media sosial tidak mengandungi bahan politik, ekstremis atau yang boleh menimbulkan kontroversi.
- vi. Pemohon perlu memastikan maklumat peribadi dalam talian adalah sama dengan maklumat permohonan visa.

7. Keperluan Perjanjian Tambahan

Penerima biasiswa atau program yang diselaraskan oleh YDSM akan dikehendaki menandatangani klausa tambahan bagi tujuan seperti berikut;

- i. Perjanjian pematuhan undang-undang komunikasi dan multimedia Malaysia dan negara universiti pascasiswazah, dan atau
- ii. Peruntukan untuk berkhidmat di Terengganu atau Malaysia untuk tempoh yang ditetapkan selepas tamat pengajian, dan atau
- iii. Peruntukan baharu yang dikemaskini oleh YDSM dari semasa ke semasa.